

# Latar Novel Cempaka Putih Untukmu

## Latar masa

Cerita novel ini berlaku pada zaman sekarang. Latar masa novel ini termasuk pagi, petang, senja, dan malam.

Dari segi latar masa malam, salah satu peristiwa yang berlaku pada latar masa malam ialah ketika Satiah dibawa balik dari hospital, dia tinggal di rumah Hartini. Pada pukul 3.00 pagi, dia terjaga, dan Hartini telah membuat susu di dapur untuknya. Selain itu, peristiwa yang berlaku pada waktu malam ialah ketika Hartini dan Nora keluar dari bilik ke dewan makan malam, mereka ternampak Junainah balik ke bilik mereka dengan mata yang merah dan terus terlantar di kantil setelah beberapa hari menghilangkan diri daripada mereka.

Dari segi latar masa pagi, peristiwa yang berlaku pada waktu pagi ialah Hartini dan rakannya pergi ke sekolah untuk mendapat keputusan PMR, dia mendapat keputusan yang cemerlang. Selain itu salah satu peristiwa pada waktu pagi ialah Hartini dan Junainah dipanggil ke pejabat Pengetua kerana bergaduh.

Dari segi latar masa senja, salah satu peristiwa berlaku pada waktu senja ialah, Hartini telah pergi ke rumah Satiah pada pukul 4.30 petang. Dia menyangka Satiah bermain sembunyi dengannya ketika sampai di rumahnya. Rupa-rupanya Satiah telah jatuh pingsan dan berlumuran darah di tepi perigi.

## Latar Tempat

**Rumah Hartini** di Kuala Lumpur –

Di situlah papa telah memberitahu sekeluarga bahawa mereka akan berpindah ke pedalaman Pahang kerana dia perlu bertugas di sana. Mama dan adik-beradik Hartini turut berasa bimbang terhadap kemudahan asas di kawasan pedalaman.

**Rumah baharu Hartini** –



Rumah baharu Hartini berada di Kampung Kuala Batu, pedalaman Pahang yang berdekatan dengan Pekan Jerantut. Rumah itu diperbuat daripada kayu dan beratapkan genting. Rumah itu memiliki empat buah bilik tidur dan dua buah bilik mandi serta dilengkapi dapur dan ruang tamu.

**Kampung Kuala Batu** -



Kampung ini terletak di pedalaman Pahang. Penduduk di situ terdiri daripada orang asli. Bagaimanapun kampung itu sudah memiliki kemudahan moden, seperti jalan tar, sekolah rendah dan menengah, bekalan air dan elektrik dan sebagainya. Kebanyakan penduduk di situ adalah menjalankan pertanian.

*(Foto ini diambil daripada google imej sebagai rumah orang asli)*

**Sekolah Menengah Kuala Batu** -

Hartini belajar di Tingkatan Tiga Teratai, sekolah Menengah Kuala Batu. Kelengkapan sekolah ini tidak banyak berbeza dengan sekolah di bandar tetapi kelengkapan yang canggih masih kekurangan, sebagai contoh sekolah itu baru terdapat sebuah komputer setelah didermakan oleh dermawan. Bagaimanapun

sekolah itu masih dapat melahirkan pelajar yang cemerlang dalam akademik, iaitu Satiah dan Hartini dapat keputusan yang baik dalam PMR.

**Rumah Satiah -**

Rumah orang asli yang serba kekurangan. Peristiwa yang berlaku di situ ialah ketika Satiah sakit dan mengeluarkan darah, dukun sedang membaca jampi dan menggunakan air yang bercampur dengan daun dan bunga untuk membasahkan badan Satiah. Bagaimanapun penyakit Satiah tidak sembuh sehingga Hartini berani merayu Pak Morit supaya menghantar Satiah ke hospital.

**Pontian, Johor -**

Rumah nenek Hartini terletak di pekan Pontian, Johor. Hartini datang menziarahi nenek kerana hendak menemani nenek yang sudah tua dan hidup dengan kesunyian di samping itu dia hendak mengikut kursus komputer di situ.

**Hospital -**

Satiah telah terlantar di ICU hospital. Keadaan sudah tenat. Doktor telah mengenal pasti bahawa Satiah tidak dapat diselamatkan. Hartini turut membaca Al-Fatihah dan kalimah syahadah sambil memegang tangan Satiah secara erat. Akhirnya Satiah meninggal dunia di hospital.

**Sekolah Menengah Puncak Wawasan-** Sekolah ini sebuah sekolah berasrama penuh. Hartini terpaksa belajar di sekolah ini di Raud setelah masuk ke Tingkatan Empat. Ketika belajar di sekolah pelbagai peristiwa telah berlaku terhadap Hartini. Di asrama sekolah, dia bergaduh dengan Junainah lalu menamparnya. Selain itu, dia didakwa terlibat dalam penggunaan dadah sehingga dibawa ke balai polis.

**Balai polis di Raud –**

Hartini dimasukkan ke dalam lokap balai polis, Raud. Ketika diziarahi oleh ibu bapanya, dia menangis dan menjelaskan bahawa dia tidak terlibat dalam penggunaan dadah. Dia telah berada di lokap selama 3 hari. Kemudian dia dilepaskan oleh pihak polis setelah papanya menyiasat perkara ini secara teliti dan membuktikan bahawa dia tidak bersalah.

**Pusara Satiah -**

Setiap hari, Pak Morit membersihkan pusara Satiah supaya tidak berumput. Akhirnya Hartini menanam pokok cempaka putih di atas pusara Satiah dengan bantuan Pak Morit dan Mak Sukin.



Keseluruhan cerita Novel Cempaka Putih Untuk adalah berlaku di negeri Pahang

## Latar Masyarakat

- Masyarakat kampung orang asli – Masyarakat orang asli di Kampung Kuala Batu, Pahang telah memiliki pelbagai kemudahan asas, seperti jalan tar, bekalan air dan elektrik serta sekolah. Mereka kebanyakan terdiri daripada kaum petani. Kehidupan mereka bertambah setelah Encik Hasrul sebagai pegawai Jabatan Pertanian berusaha meningkatkan hasil pertanian dan mengkomersialkan tanaman mereka. Anak mereka juga dihantar ke sekolah untuk menerima pendidikan.
- Masyarakat yang masih mengamalkan perubatan tradisional - Pak Morit masih mengamalkan adat dan pantang larang nenek moyangnya. Dia lebih mempercayai kata-kata dukun daripada perubatan moden. Dia sentiasa mencari ramuan daun dan bunga untuk mengubati anaknya walaupun Satiah sudah sakit tenat.
- Masyarakat yang menyalahgunakan dadah - Anak perempuan sulung Pak Morit telah menagih dadah dan mati akibat penyakit AIDS. Mak Usu Hartini dan anak lelaki ketiga Mak Leha turut terlibat dalam penagihan dadah sehingga sering ditahan di balai polis. Penyalahgunaan dadah dalam remaja telah mengecewakan ibu bapa mereka.
- Masyarakat yang mementingkan pendidikan – Walaupun miskin, Pak Morit juga mementingkan pendidikan anaknya malah sanggup menyerahkan Satiah sebagai anak angkat kepada Encik Hasrul supaya belajar bersama dengan Hartini sehingga berjaya dalam peperiksaan PMR. Dia juga bersetuju menghantar anaknya melanjutkan pelajaran di sekolah berasrama penuh di Kuantan yang agak jauh dari kampung halaman mereka.
- Masyarakat yang mesra dan pandai menyesuaikan diri di perantauan – Puan Sarah iaitu mama Hartini bersikap ramah-tamah dan cepat bergaul mesra dengan jiran dan penduduk setempat. Dia pandai menyesuaikan diri di tempat yang baru, iaitu Kampung Kuala Batu yang terdiri daripada orang asli.
- Masyarakat Penyayang - Encik Hasrul dan Sarah merupakan ibu bapa yang bersifat penyayang. Mereka sayang akan anak mereka dan berusaha untuk memenuhi keperluan fizikal dan kerohanian mereka. Mereka turun memberikan kasih sayang kepada anak angkat mereka, Satiah. Misalnya menjahitkan Hartini dan Satiah baju kurung yang sama warna. Mereka juga sedaya upaya untuk menghulurkan bantuan kepada Satiah yang menghidap penyakit barah paru-paru.
- Masyarakat yang tabah - Satiah sentiasa tabah untuk menghadapi penyakitnya. Dia menyedari penyakitnya tidak dapat dilawati. Dia tetap melanjutkan pelajaran di sekolah berasrama penuh. Dia tabah menghadapi penderitaan daripada penyakitnya tanpa memberitahu hal ini kepada ibu bapa dan Hartini.

Disediakan pada malam 22 Oktober 2011